



PBD

总结式课堂评估
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan

Jadual Spesifikasi Ujian
(JSU)

Julai 2025
模拟评估
KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文

Bahasa
Melayu

Tahun

4



4+1

set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks

PERCUMA



1 set Kertas Model UASA Digital
<https://bit.ly/3OihTsv>



Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
yang boleh diedit disediakan.
<https://bit.ly/4ibaKYT>

Zaleha Masnan

Nama

Kelas

Sekolah

BAHASA MELAYU [011]**Satu jam lima belas minit**

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A**[10 markah]****Soalan 1 dan 2****Pilih jawapan yang paling sesuai.**

- 1 _____ mempunyai ^{翅膀} sayap yang cantik dan berwarna-warni.

- A Biri-biri ^{绵羊}
- B Labi-labi ^{水鱼}
- C Kura-kura
- D Kupu-kupu ^{蝴蝶}

Morfologi Aras R

- 2 Encik Aidil mengecat pintu pagar rumahnya _____ ^{油漆} tidak berkarat. ^{不会生锈}

- A dan
- B atau
- C supaya
- D apabila

Morfologi Aras R

Soalan 3**Pilih ayat yang betul.**

- 3 A Rak kasut itu dibuat daripada mana?
B Berapakah Hari Keusahawanan itu akan diadakan?
C Apakah yang mencipta alat penghalau nyamuk ini?
D Kita perlu ^{节俭} (berjimat cermat) ^当 ^{花费} ketika berbelanja mengapa?

Sintaksis Aras S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

spider
Labah-labah ialah sejenis haiwan pemangsa. Labah-labah mempunyai lapan kaki.
捕食动物
Labah-labah **建造** sarang untuk **捕捉** mangsanya. Serangga kecil yang memasuki sarang labah-labah akan **被捉** dan menjadi makanan labah-labah. Sarang labah-labah dibuat daripada sutera, iaitu benang protein halus yang dihasilkan oleh labah-labah melalui hujung abdomennya. Sarang labah-labah sangat kuat dan elastik. Labah-labah juga menggunakan sarangnya untuk memanjat, mengalas dinding yang licin, membina kantung telur, dan menyimpan makanan.
腹部
弹性
爬
Labah-labah (memainkan peranan penting) dalam ekosistem sebagai pemangsa (semula jadi) yang membantu mengawal populasi serangga.
扮演重要角色
天然
控制

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa labah-labah mempunyai lapan kaki.

4 Labah-labah mempunyai berapa kaki?

- A Dua
- B Enam
- C Lapan
- D Empat

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- A Sarang labah-labah sangat keras dan mudah patah. **容易断**
- B Labah-labah menangkap serangga dengan menggunakan kakinya. **细**
- C Labah-labah menghasilkan benang protein halus melalui mulutnya. **控制**
- D Labah-labah merupakan haiwan pemangsa semula jadi yang membantu (mengawal) populasi serangga. **控制**

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah tujuan labah-labah membuat sarang **kecuali** **目的**

- A untuk memanjat.
- B untuk menakutkan mangsa.
- C untuk membina kantung telur.
- D untuk mengalas dinding yang licin. **铺垫**

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Pada suatu hari, Mei Mei mengikut ibunya membeli barangan dapur di pasar raya. Sebelum keluar, ibu Mei Mei membuat senarai barang yang hendak dibeli. Mei Mei belajar bahawa langkah ini dapat membantu mengawal perbelanjaan.

Semasa di pasar raya, ibu Mei Mei membuat perbandingan harga sebelum membeli barang. Beliau memilih barangan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan. Beliau juga menggunakan kupon diskaun untuk mendapatkan potongan harga.

Mei Mei berasa gembira kerana banyak yang telah dipelajarinya. Dia sedar bahawa berbelanja secara berhemat bukan sahaja menjimatkan wang tetapi dapat mengelakkan pembaziran.

BAHAN 2

PANDUAN BERBELANJA SECARA BERHEMAT

1 Membuat senarai barang keperluan. <i>list out 清单</i> 	4 Mengutamakan kualiti dan nilai. <i>注重 价值</i> 
2 Membuat perbandingan harga. <i>比较 价钱</i> 	5 Tidak mementingkan jenama. <i>注重</i> 
3 Tidak terpengaruh dengan (gimik iklan) atau promosi penjual. <i>影响 广告 花招 促销 广告</i> 	6 Mengutamakan produk dan jenama Malaysia. <i>注重 品牌</i> 

- 7 Mei Mei mengikut ibunya membeli barangan dapur di
- A pasar tani.
 - B pasar raya.
 - C kedai runcit.
 - D pasar malam.

Memahami Aras R

- 8 Beliau juga menggunakan kupon diskaun untuk mendapatkan potongan harga.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A pucuk. → *sepucuk surat 信 / pistol 短枪*
- B keping.
- C lembar. ~ *捆线*
- D naskhah.

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *berhemat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A berkira. *节省*
 - B berjimat. *节俭*
 - C berboros. *浪费*
 - D bermewah. *豪华*

Memahami Aras S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Ibu Mei Mei hanya membeli barangan yang (berjenama.) *有名牌的*
 - B Mei Mei berasa gembira kerana ibunya berbelanja secara berhemat.
 - C Kita mestilah mengutamakan kualiti dan nilai apabila membeli sesuatu barang.
 - D Ibu Mei Mei membuat senarai barang yang hendak dibeli selepas pulang dari pasar raya.

Menganalisis Aras T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Amirul menyertai pertandingan reka cipta robot yang diadakan di sekolahnya. Pertandingan itu diadakan untuk meningkatkan daya kreativiti dan inovasi murid.

Amirul menghasilkan robot dengan menggunakan bahan-bahan terbuang seperti kotak tisu, bekas telur, dan DVD lama. Amirul telah mendapat tempat kedua dalam pertandingan tersebut. Walaupun tidak memenangi (tempat pertama) tetapi dia mendapat pengalaman yang menyeronokkan. Dia mahu menyertai lebih banyak pertandingan reka cipta (pada masa akan datang).

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa tujuan pertandingan reka cipta robot diadakan adalah untuk meningkatkan daya kreativiti dan inovasi murid.

1 (a) Pertandingan reka cipta robot itu diadakan di _____.

Memahami Aras R [1 markah]

(b) Apakah tujuan pertandingan reka cipta robot itu diadakan?

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) Gariskan kata ganda yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Amirul menghasilkan robot dengan menggunakan bahan-bahan terbuang seperti kotak tisu, bekas telur, dan DVD lama.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.
 Walaupun tidak ^{虽然} memenangi ^{没赢} tempat pertama ^却 tetapi dia ^但 mendapat ^{经验} pengalaman yang ^开 menyeronokkan.

Dia mendapat pengalaman yang menyeronokkan walaupun tidak memenangi tempat pertama.	
Dia memenangi tempat pertama walaupun mendapat pengalaman yang tidak menyeronokkan.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

kata Ganda

←
kata Ganda penuh

↓
kata ganda separa

↓
k.ganda berenti

1. kura-kura
2. layang-layang
3. rama-rama
4. kupu-kupu
5. murid-murid

1. kekura
2. lelayang
3. rerama
4. X
5. X

1. kuih-muih
2. lauk-pauk
3. riuh-rendah

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kasut sekolah kamu sudah koyak. ^{破烂} Bapa kamu membawa kamu ke kedai untuk membeli kasut sekolah baharu. Banyak kasut dijual di kedai itu. Ada yang mahal dan ada juga yang murah tetapi berkualiti. ^贵

^{便宜 但有品质}

2 Sebagai ^(pengguna) yang bijak, kasut manakah yang akan kamu beli? ^{使用者} ^{聪明} **KBAT**

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah ini tentang cara berbelanja.


Tulis pendapat kamu tentang cara menjimatkan perbelanjaan.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T

节省 花费 CARA MENJIMATKAN PERBELANJAAN



TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang cara menjimatkan perbelanjaan.

Bahagian D
[20 *markah*]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

HARI KANTIN

